

# Kedudukan PM tak tergugat

Najib mahu pemimpin Umno semua peringkat teruskan sokongan padu

BA - 14/8/2006

Oleh Ridzuan Yop dan Yahya Awang


**B**AGAN SERAI: Kedudukan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tidak akan tergugat selagi beliau menerima sokongan padu dan tidak berbelah bahagi kepimpinan Umno semua peringkat, kata Datuk Seri Najib Razak.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kedudukan Abdullah yang juga Presiden Umno tidak akan mudah digugat oleh sesiapa pun walaupun pelbagai andaian boleh dibuat pihak tertentu.

"Yang penting sekali ialah pendirian kita, kalau semua memberi sokongan padu dan tidak berbelah bahagi kepada Abdullah... beliau (Abdullah) dan Umno akan terus kuat

"Yang penting pemimpin Umno di semua peringkat sama ada nasional, negeri dan bahagian untuk terus menyokong kepimpinan Abdullah," katanya pada sidang media selepas merasmikan mesyuarat Umno Bahagian Bagan Serai di Dewan Sekolah Menengah Teknik Kerian di sini, semalam.

Najib mengulas kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nazri Aziz yang menganggap tindakan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang berterusan mengkritik pemimpin dan kerajaan bertujuan untuk menghancurkan parti dan



**SOKONGAN PADU:** Najib bersalam dengan perwakilan yang menyambut ketibaannya di pekarangan Sekolah Menengah Teknik Krian ketika merasmikan mesyuarat Perwakilan Umno Bahagian Bagan Serai, semalam.

menjatuhkan Abdullah.

Najib yang juga Timbalan Presiden Umno menegaskan parti tidak menghadapi masalah dan masih kukuh sebagai satu entiti.

"Pada bila-bila masa ada orang tak puas hati mana boleh kita kata 100

peratus (sokong)," katanya sambil menambah usaha memberikan penjelasan akan diteruskan.

Beliau berkata, pada masa sama, Umno berharap Dr Mahathir boleh menerima penjelasan yang diberikan.

Najib juga tidak mahu terbabit dalam polemik bahawa Dr Mahathir mungkin mendapat nasihat yang salah daripada orang di sekelilingnya.

Terdahulu, Najib dalam ucapannya berkata, sokongan padu yang diberikan pimpinan Umno di semua

peringkat kepada Abdullah bukan secara membuta tuli.

"Kita sokong sebab dalam misi nasional terkandung banyak perkara yang jika terlaksana sepenuhnya akan membawa perubahan amat besar kepada orang Melayu dan negara jika dapat direalisasikan," katanya.

Najib berkata, antara kandungan penting ialah matlamat membasmi kemiskinan tegar sepenuhnya pada 2010, pembangunan seimbang yang merentasi sempadan negeri seperti konsep pembangunan wilayah dan komitmen menjadikan Malaysia negara maju pada 2020.

"Macam mana kita tak sokong... (Abdullah) yang ada komitmen menjelang 2010 tiada lagi kemiskinan tegar," katanya yang turut mengumumkan peruntukan RM4.5 juta bagi pembinaan sebuah kompleks pelbagai guna di Bagan Serai.

**“**Tidak ada perpecahan dalam Umno walaupun ada individu tertentu tidak puas hati tetapi itu adatlah....”

IKHWAN MAJLIS | BERITA HARIAN